



PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN BAGI KAWALAN TEMBAKAU 2015 - 2020

Kandungan

Kata Aluan.....	ii
Penghargaan.....	iv
1 Pengenalan.....	1
1.1 Bebanan Masalah Merokok.....	1
1.2 Sasaran Global NCD menjelang 2025 (NCD Global Target) dan Di Penghujung Permainan (The End Game).....	2
1.3 Strategi berdasarkan MPOWER.....	3
2 Pelaksanaan Kawalan Tembakau Kebangsaan.....	6
2.1 Polisi.....	6
2.2 Visi.....	6
2.3 Misi.....	6
2.4 Objektif.....	6
3 Empat Strategi Utama.....	7
3.1 Memperkukuhkan Aktiviti Kawalan Tembakau Sedia Ada	7
3.2 Memperkukuhkan Perundangan dan Penguatkuasaan Kawalan Tembakau Kebangsaan	7
3.3 Memperkasakan Masyarakat dan Meningkatkan Penglibatan Multi sektoral.....	8
3.4 Memperkukuhkan Aktiviti Kawalan Tembakau melalui Strategi MPOWER.....	8
4 Pelaksanaan dan Pemantauan	11
4.1 Pelaksanaan dan Pemantauan di Peringkat Ibu Pejabat.....	11
4.2 Pelaksanaan dan Pemantauan di Peringkat Negeri	12
4.3 Pelaksanaan Melalui Strategi MPOWER di Peringkat Negeri.....	16
5 Senarai Agensi dan Rakan Kongsi.....	18
5.1 Agensi Dalam.....	18
5.2 Agensi Luar.....	18
Lampiran 1 - Pelan Tindakan Strategik Kawalan Tembakau Kebangsaan.....	21
Lampiran 2 - Pelan Pelaksanaan Melalui Strategi MPOWER Peringkat Negeri.....	29



KEMENTERIAN
KESIHATAN
MALAYSIA



KATA-KATA ALUAN

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Negara kita Malaysia telah menjadi anggota kepada perjanjian Pertubuhan Kesihatan Sedunia WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) semenjak 23 September 2003 dan sebagai sebuah negara anggota kepada perjanjian ini, maka adalah wajar semua peruntukan yang telah digariskan dalam perjanjian ini dipatuhi sepenuhnya.

Semenjak tahun 2003, Malaysia telah menjalankan pelbagai aktiviti bagi memastikan kesihatan rakyat akibat bahaya asap rokok dapat dikawal secara optima. Malaysia telah berjaya mewujudkan satu perundangan khusus bagi mengawal penggunaan tembakau dan produk tembakau melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 di bawah Akta Makanan 1983.

Malaysia juga telah menyatakan komitmen terhadap Pertubuhan Kesihatan Sedunia berkaitan isu penyakit tidak berjangkit (NCD) atau penyakit kronik. Melalui komitmen negara kepada "Global NCD Target by 2025", Malaysia perlu mencapai penurunan prevalen merokok sebanyak 30% menjelang tahun 2025. Bagi memastikan kedua-dua komitmen ini tercapai maka adalah wajar Pelan Strategik Kebangsaan bagi kawalan tembakau diwujudkan.

Di dalam pelan ini, satu polisi kebangsaan iaitu untuk menjadikan "Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok" telah digariskan. Penetapan polisi ini adalah sejajar dengan hasrat Malaysia untuk mencapai kedua-dua komitmen negara iaitu kepada perjanjian WHO FCTC dan juga kepada pencapaian "Global NCD Target by 2025".

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam pembentukan pelan ini. Besarlah harapan saya agar semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan dapat memastikan aktiviti yang digariskan dalam pelan ini dipantau dan dilaksanakan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam
Menteri Kesihatan Malaysia





KEMENTERIAN
KESIHATAN
MALAYSIA



KATA-KATA ALUAN

KETUA PENGARAH KESIHATAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembentukan Pelan Strategik Kebangsaan bagi kawalan tembakau. Melalui strategi utama yang telah dirancang, saya percaya hasrat Malaysia untuk mencapai sebuah negara yang bebas dari sebarang bentuk amalan merokok akan dapat dicapai.

Rokok adalah merupakan faktor risiko kesihatan kedua terbesar yang menyebabkan kematian pra matang di seluruh dunia amnya dan di Malaysia khususnya. Risiko ini mesti dikurangkan agar beban kematian pramatang dapat diatasi. Di Malaysia seramai 4.7 juta orang berumur 15 tahun dan ke atas adalah merokok. Saya percaya bahawa dengan tiada perancangan yang terperinci semua perokok ini akan meneruskan amalan yang tidak sihat dan ini akan menyebabkan kemudaratan bukan sahaja kepada diri mereka tetapi kepada orang di sekeliling mereka yang menghidu bahaya asap rokok.

Pada masa yang sama, jika tiada tindakan dan perancangan dari aspek pencegahan jumlah perokok baru akan bertambah dan akan menyebabkan beban tanggungan kesihatan semakin meningkat. Melalui Pelan Strategik Kebangsaan ini, satu perancangan yang rapi dari aspek pencegahan primer bermula dengan promosi pencegahan merokok di peringkat awal sehingga ke aktiviti rawatan dan pemulihan bagi mereka yang merokok telah dirancang. Adalah menjadi harapan agar segala perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia



PENGHARGAAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia

1. Dr. Chong Chee Kheong
Pengarah Kawalan Penyakit
2. Dr. Zainal Ariffin bin Omar
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (NCD)
3. Dr. Omar bin Minhat
Ketua Sektor MESSVIP, Cawangan NCD
4. Dr. Noraryana binti Hassan
Ketua Penolong Pengarah Kanan
5. Dr. Nizam bin Baharom
Ketua Penolong Pengarah Kanan
6. Dr. Christopher Eugene
Ketua Penolong Pengarah
7. En. Ooi Poh Keong
Ketua Penolong Pengarah Kesihatan Persekitaran
8. Cik Noor Hafiza binti Dawam
Pegawai Kesihatan Persekitaran
9. En. Christopher Van Weiringam
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
10. En. Nik Azmi bin Nik Muhamad
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

1. To' Puan Dr. Safurah binti Jaafar
Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga



2. Dr. Kamaliah binti Mohamad Nor
Timbalan Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga
3. Dr. Nazma binti Salleh
Ketua Penolong Pengarah Kanan
4. Dr. Fatanah binti Ismail
Ketua Penolong Pengarah Kanan
5. Dr. Saidatul Norbaya binti Buang
Ketua Penolong Pengarah Kanan
6. Dr. Gunenthira Rao A/L Subbarao
Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Pendidikan Kesihatan

1. Tn. Hj Abdul Jabar bin Ahmad
Pengarah Pendidikan Kesihatan
2. En. Munshi bin Abdullah
Ketua Penolong Pengarah
3. Pn. Rosnani binti Kassim
Penolong Pengarah Kanan
4. En. Mohamad Haazik bin Mohamed
Pegawai Pendidikan Kesihatan

Bahagian Pergigian

1. Dr. Sharol Lail bin Sujak
Timbalan Pengarah, Cawangan Penggalakan
2. Dr. Zainab binti Shamdol
Timbalan Pengarah, Cawangan Teknologi
3. Dr. Lydia Mason ak Lionel
Pakar Kesihatan Awam Pergigian



4. YBhg Datin Dr Noralaini binti Ismail
Pegawai Pergigian Daerah, Putrajaya
5. Dr. Misah binti Ramli
Pegawai Pergigian Daerah, Sabak Bernam
6. Dr. Nurul Syakira binti Abdul Shukor
Ketua Penolong Pengarah Kanan
7. Dr. Nur Farohana binti Zainol
Ketua Penolong Pengarah

Pejabat Timbalan Ketuan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

1. En. Ideris bin Mohamed
Ketua Unit Inspektorat dan Perundangan

Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

1. Dr. Zulhizzam bin Abdullah
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. En. Mohd Hussain bin L.Yusof
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

1. Dr. Azizah binti Ab Manan
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Rokiah binti Mohd
Ketua Penolong Pengarah Kanan Primer
3. Dr. Muhammad Ihsan bin Suhaidi
Ketua Penolong Pengarah NCD
4. Pn. Ruzimah binti Tumiran
Pegawai Pendidikan Kesihatan
5. En. Ahmad Shukri bin Bakar
Pegawai Kesihatan Persekitaran



6. En. Mohd Nazarul Aman bin Mat Usop
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

1. Dr. Shahrul Bariyah binti Ahmad
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Muhamad Fadhil bin Mohamad Marzuki
Ketua Penolong Pengarah NCD
3. En. Mohd Nasir bin Harun
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Perak

1. Dr. Asmah binti Zainal Abidin
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. En. Abdul Wahid bin Sudin
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
3. En. Mohd Tarmidi bin Khurmin
Pegawai Pendidikan Kesihatan

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

1. Dr. Norli binti Abdul Jabbar
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Salmiah binti Baharuddin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
3. En. Zulkifly bin Mohd Shah
Pegawai Kesihatan Persekitaran
4. Dr. Ho Bee Kiau
Pakar Perubatan Keluarga



Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

1. Dr. Hjh Rotina binti Abu Bakar
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Khalijah binti Mohd Yusof
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
3. Dr. Norliza binti Ibrahim
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
4. Dr. Suriyati binti Abd Aziz
Ketua Penolong Pengarah Kanan Primer
5. En. Mohd Dzulkifli bin Che Mat
Pegawai Kesihatan Persekitaran
6. En. Erwan bin Safian
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

1. Dr. Suhaila binti Osman
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. En. Dass Kandunni
Pegawai Kesihatan Persekitaran
3. Pn. Rahayu binti Abu Bakar
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

1. Dr. Misliza binti Ahmad
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Haliza binti Haji Abdul Manaf
Ketua Penolong Pengarah Kanan Primer
3. En. Shafizi bin Abdul Wahab
Pegawai Kesihatan Persekitaran



4. En. Mohd Saman bin Baharuddin
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

1. Dr. Yusmah binti Muhamad
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Faridah binti Hj Ali
Ketua Penolong Pengarah Kanan Primer
3. En. Ahmad bin Yacob
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

1. Dr. Fatimah binti A. Majid
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Rahimah binti Ibrahim
Ketua Penolong Pengarah Kanan Primer
3. Pn. Yantie Shahida binti Abdul Manan
Pegawai Pendidikan Kesihatan
4. En. Zulkipli bin Jaafar
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

1. Dr. Fatimah binti Muda
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. En. Hasnainin bin Hassan
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

1. Dr. Haniah binti Yusoff
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD



2. Dr. Noor Hashimah binti Abdullah
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
3. Dr. Anees binti Abdul Hamid
Ketua Penolong Pengarah Kanan Primer
4. En. Mohd Adib Salleh
Pegawai Pendidikan Kesihatan
5. En. Raja Ismail bin Raja Ali
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

1. Dr. Nirmal Kaur
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Leydra Philip Felix
Ketua Penolong Pengarah NCD
3. En. Ab Razak bin Md Noh
Ketua Penolong Pengarah Kanan Promosi Kesihatan
4. En. Jasnie bin Salim
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

1. Dr. Hashimah binti Basri
Ketua Penolong Pengarah Kanan NCD
2. Dr. Rohani binti Mat Bah
Ketua Penolong Pengarah Kanan Primer
3. Pn. Siti Suryani binti Jarmi
Pegawai Pendidikan Kesihatan
4. Tuan Hj Mohd Sarhan bin Abdullah
Pegawai Kesihatan Persekitaran



Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

1. Dr. Wan Mohd Harith bin Wan Mustapa
Ketua Penolong Pengarah NCD
2. En. Anang Japar bin Junaidi
Pegawai Kesihatan Persekitaran

INSTITUT KAJIAN PERUBATAN

1. Dr. Thanasegharan Shanmugam
Pegawai Perubatan

LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA

1. En. Wan Azrin Izani bin Wan Mohd Zain
Pegawai Penerangan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. Pn. Jaleha binti Yusof
Penolong Pengarah

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

1. Pn. Elinda binti Zulkipli
Penolong Setiausaha

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

1. En. Balachandran a/l Krishasamy
Penolong Pengarah Kastam
2. Pn. Lee Chai Peng
Penguasa Kastam



JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

1. Pn. Dayang Mastura binti Awang Julaini
Pegawai Operasi KEMAS Putrajaya

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

1. Pn. Fazilah bt A. Rahman
Ketua Penolong Pengarah

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

1. En. Mohamad Shahrin bin Shuib
Penolong Pengarah

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1. Prof. Dr. Lekhraj Rampal
Pensyarah

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1. Prof. Madya Dr. Wee Lei Hum
Pensyarah
2. Dr. Rashidi Mohamed bin Pakri Mohamed
Pensyarah dan Pakar Kesihatan Keluarga

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1. Prof. Dr. Rahmat bin Awang
Pensyarah



2. Prof. Madya Dr. Maizurah binti Omar
Pensyarah
3. En. Ahmad Shalihin bin Mohd Samin
Pegawai Penyelidik Kanan

UNIVERSITI MALAYA

1. Prof. Madya Dr. Ameer Siddiq
Pensyarah

UNIVERSITI ISLAM ANTRABANGSA MALAYSIA

1. Prof. Madya Dr. Mohammad Haniki bin Nik Mohammed
Pensyarah

LINCOLN UNIVERSITY COLLEGE

1. Prof. Dr Rahimah binti Abdul Kadir
Pensyarah

KOLEJ UNITI NEGERI SEMBILAN

1. En. Muhamad Nurawan bin Mohamaed Ali
Pensyarah
2. Pn. Siti Zubaidah binti Mohd Daud
Pensyarah
3. En. Asyraf bin Azeman
Pensyarah
4. Pn. Hidayah binti Tokiman
Pensyarah



PERSATUAN SENIMAN MALAYSIA

1. En. Zulkifli bin Mohamad
Timbalan Presiden Seniman

RAKAN SIHAT

1. Pn. Felicia Wong
Jurulatih Kesihatan

FREE SMOKE HEALTHY LIFE ASSOCIATION

1. En. Mutharpavalar A/L Krishnasamy
Pengerusi
2. En. Mohd Redhwan bin Abu Bakar
Timbalan Pengerusi
3. Pn. Suria binti Mohd
Setiausaha
4. Pn. Vijaya A/P Nadarajah
Ahli Jawatankuasa
5. Cik Ashaarthi A/P Mutharpavalar
Ahli Jawatankuasa

MYWATCH

1. Dr. Zariah binti Zain
Ahli Jawatankuasa

FOMCA

1. Datuk K. Kris Atan
Timbalan Presiden



GREEN LUNG

1. En. Ali Nabil bin Abdul Karim
Ahli Jawatankuasa
2. En. Cheng Zhi Wen
Ahli Jawatankuasa
3. En. Saw Phin Khye
Ahli Jawatankuasa

MCTC

1. Dr. Molly Cheah
Pengerusi
2. Dr. Mymoon binti Alias
Ahli Jawatankuasa

JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL MALAYSIA

1. En. Derek Teng Kim Huang
Pengerusi National Junior and Youth Commission
2. Pn. Shirley Heong
Ahli Jawatankuasa



BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1. LATAR BELAKANG

1.1 Bebanan Masalah Merokok

Menurut kajian *Global Adult Tobacco Survey* (GATS) Malaysia yang dijalankan pada tahun 2011, prevalen merokok di kalangan rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas adalah sebanyak 23.1% atau seramai 4.7 juta orang. Secara keseluruhannya, kategori umur 25 hingga 44 tahun mencatatkan peratusan perokok yang tertinggi iaitu sebanyak 29.0% dan kaum lelaki dari kategori umur ini mencatatkan peratusan merokok yang tertinggi iaitu sebanyak 54.9%.

Kajian *Global Youth Tobacco Survey* (GYTS) menunjukkan bahawa prevalen merokok di kalangan remaja di Malaysia berumur 13 hingga 15 tahun adalah sebanyak 20.2% pada tahun 2003 menurun kepada 18.2% pada tahun 2009. Bagi remaja lelaki lingkungan umur yang sama prevalen merokok telah menunjukkan penurunan dari 36.3% pada tahun 2003 kepada 30.9% pada tahun 2009. Namun begitu, prevalen remaja perempuan telah meningkat dari 4.2% pada tahun 2003 ke 5.3% pada tahun 2009.

Hasil kajian kebangsaan ini memberi gambaran bahawa lebih banyak usaha perlu dibuat bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas dari bahaya rokok. Banyak usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membanteras gejala merokok. Pelbagai pendekatan dan strategi termasuk penguatkuasaan amaran kesihatan bergambar pada kotak rokok, pendidikan kesihatan melalui kempen media 'Tak Nak Merokok', aktiviti *out-reach* kepada kumpulan sasar, kenaikan cukai dan lain-lain telah sedikit sebanyak memberikan impak secara tidak langsung kepada tabiat merokok di negara ini. Namun begitu, peningkatan prevalen merokok di kalangan remaja terutama remaja perempuan perlu dilihat sebagai sesuatu yang serius. Oleh kerana itu, Kementerian Kesihatan Malaysia masih perlu merangka strategi yang lebih rapi dalam membendung masalah ini.



1.2 Sasaran Global NCD menjelang 2025 (*NCD Global Target*) dan Di Penghujung Permainan (*The End Game*)


Sasaran Global NCD menjelang 2025 telah menetapkan (Sembilan) 9 indikator yang perlu dicapai termasuk indikator berkaitan merokok iaitu penurunan peratusan merokok sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2025 (Gambarajah 1). Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian Kesihatan Malaysia perlu merangka 2 program utama iaitu aktiviti pencegahan bertujuan mencegah golongan bukan perokok daripada terjebak ke dalam masalah ini dan aktiviti pemulihan dan penguatkuasaan bagi memastikan sekurang-kurangnya 130,000 perokok berhenti merokok setiap tahun.

Kebanyakan negara anggota kepada *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC) telah mula mengatur strategi untuk memastikan masalah merokok ini berakhir dengan sasaran prevalen merokok kurang dari 5% dan dikenali sebagai penghujung permainan (*The End Game*). Strategi yang kukuh telah dirancang bagi memastikan semua negara anggota kepada FCTC mencapai visi sebagai sebuah negara bebas dari bahaya rokok. Pelan Tindakan Kawalan Tembakau Serantau bagi Rantau Wilayah Pasifik Barat (*Regional Action Plan for Tobacco Control, WHO Western Pacific Region*) telah diwujudkan bagi membantu negara-negara parti di rantau ini ke arah sebuah negara bebas dari bahaya rokok.

Selaras dengan komitmen negara terhadap perjanjian FCTC semenjak tahun 2005 dan ke arah Sasaran Global NCD menjelang tahun 2025 beserta Penghujung Permainan, satu Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau telah dibangunkan bagi memastikan hasrat negara tercapai. Pelan Strategik Kebangsaan ini berasaskan Pelan Tindakan Kawalan Tembakau Serantau (*Regional Action Plan for Tobacco Control, WHO Western Pacific Region*).



Gambarajah 1: Sasaran Global NCD menjelang 2025



1.3 Strategi berdasarkan MPOWER

Strategi MPOWER merupakan satu strategi yang telah dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Strategi ini menumpu kepada 6 aktiviti utama (Gambarajah 2) seperti berikut:

1.3.1 Strategi M : Memantau prevalen dan tren penggunaan tembakau

Bagi tujuan pemantauan tren penggunaan tembakau, kajian *Mini GATS* yang telah disarankan oleh WHO akan dilaksanakan bersama-sama Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (*NHMS*) bermula tahun 2015 dan akan diulang setiap 5 tahun sekali. Manakala tren penggunaan tembakau di kalangan remaja akan dipantau melalui kajian *GYTS*.

1.3.2 Strategi P: Melindungi golongan bukan perokok dari bahaya asap rokok

Melindungi golongan bukan perokok merupakan salah satu aktiviti yang sangat berkesan bagi meningkatkan taraf kesihatan masyarakat. Ia sejajar dengan Artikel 8 WHO FCTC. Di dalam strategi ini, aktiviti akan menumpu



kepada pendekatan membudayakan amalan tidak merokok atau “ *denormalization* ” iaitu ketidak-terimaan masyarakat tentang budaya merokok di khalayak ramai. Pendekatan ini akan menyebabkan cetusan perubahan tingkahlaku yang akan menjurus kepada peningkatan kadar berhenti merokok di kalangan perokok.

1.3.3 Strategi O : Menawarkan Perkhidmatan Berhenti Merokok

Mengurangkan permintaan terhadap aktiviti merokok melalui rawatan ketagihan nikotin dan perkhidmatan berhenti merokok merupakan implementasi yang disarankan di dalam Artikel 14, WHO FCTC. Melalui Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tembakau perkhidmatan berhenti merokok akan diperluaskan dengan menggalakkan penglibatan dari hospital dan klinik swasta serta farmasi komuniti. Pada masa yang sama, beberapa aktiviti perkhidmatan berhenti merokok melalui kaunseling berhenti merokok di sekolah yang telah dijalankan di beberapa buah negeri akan diperluaskan lagi.

1.3.4 Strategi W : Meningkatkan aktiviti amaran kemudaran dan bahaya merokok

Strategi ini akan melibatkan aktiviti amaran kemudaran dan bahaya merokok kepada kumpulan sasaran terutama golongan wanita, kanak-kanak dan remaja. Aktiviti yang dirancang akan ditumpukan kepada remaja yang lahir pada tahun 2009 dan ke atas. Aktiviti yang dilaksanakan merangkumi aktiviti promosi melalui pelbagai media elektronik dan bukan elektronik. Aktiviti kepada pelajar di peringkat sekolah tadika dan taska juga akan diberi tumpuan.

1.3.5 Strategi E : Melarang aktiviti pengiklanan, promosi dan penajaan

Aktiviti penguatkuasaan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 akan dipergiatkan di bawah strategi ini. Aktiviti akan merangkumi penetapan sasaran bagi pengeluaran notis kesalahan, pengukuhan aktiviti penguatkuasaan rutin dan penguatkuasaan operasi



bersepadu terutama berkaitan pengiklanan, promosi dan penajaan. Pada masa yang sama aktiviti ini akan merangkumi peruntukan Artikel 9 iaitu pematuhan standard tar dan nikotin serta kandungan tembakau, Artikel 11 iaitu penguatkuasaan promosi jualan rokok serta Artikel 15 bagi aktiviti pengawalan rokok seludup dan tidak sah.

1.3.6 Strategi R: Mengkaji dan merancang kenaikan cukai rokok

Strategi ini merupakan aktiviti yang memerlukan kerjasama pihak Kementerian Kewangan Malaysia. Perancangan aktiviti ini adalah sejajar dengan peruntukan Artikel 6 WHO FCTC yang mensasarkan kenaikan harga rokok melalui kenaikan cukai rokok.

Gambarajah 2: Strategi MPOWER

Monitor tobacco use and prevention policies (Penilaian dan Pemantauan)
Protect people from tobacco smoke (Perlindungan dari Asap Rokok)
Offer help to quit tobacco use (Perkhidmatan Berhenti Merokok)
Warn about the dangers of tobacco (Amaran Kemudaratan dan Bahaya Rokok)
Enforce bans on tobacco advertising, promotion and sponsorship
(Larangan ke atas Iklan, Promosi dan Tajaan)
Raise taxes on tobacco (Cukai Rokok di Tingkatkan)



BAHAGIAN 2 : PELAN STRATEGIK KAWALAN TEMBAKAU KEBANGSAAN

2. PELAKSANAAN KAWALAN TEMBAKAU KEBANGSAAN

2.1 Polisi

Polisi kawalan tembakau kebangsaan adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok.

2.2 Visi

Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok menjelang tahun 2045.

2.3 Misi

2.3.1 Rakyat Malaysia yang lahir pada tahun 2009 dan ke atas tidak memulakan tabiat merokok.

2.3.2 Memperkasakan masyarakat merupakan tunggak utama bagi membudayakan amalan tidak merokok.

2.3.3 Semua rakyat Malaysia akan dilindungi daripada bahaya asap rokok dengan mewujudkan 100% tempat-tempat awam sebagai kawasan bebas rokok.

2.4 Objektif

2.4.1 Mengekalkan prevalen merokok kurang daripada 5% di kalangan wanita berumur 15 tahun dan ke atas.

2.4.2 Menurunkan prevalen merokok kepada 15% menjelang tahun 2025.

2.4.3 Mensasarkan penurunan kurang daripada 5% prevalen merokok menjelang tahun 2045.



BAHAGIAN 3 : STRATEGI UTAMA

3. EMPAT STRATEGI UTAMA

3.1 Memperkukuhkan Aktiviti Kawalan Tembakau Sedia Ada

3.1.1 Menaiktaraf Jawatankuasa FCTC Kebangsaan seperti berikut:

- Memperluaskan penglibatan keahlian dari kementerian serta agensi berkaitan.
- Menaiktaraf keahlian Jawatankuasa ini ke peringkat pengurusan yang lebih tinggi.
- Memperkukuhkan terma rujukan serta kekerapan mesyuarat bagi Jawatankuasa ini.

3.1.2 Menjadikan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau sebagai salah satu perancangan utama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11).

3.2 Memperkukuhkan Perundangan dan Penguatkuasaan Kawalan Tembakau Kebangsaan

3.2.1 Mewujudkan Akta Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok.

3.2.2 Mempertingkatkan keupayaan sumber manusia dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan kawalan tembakau seperti berikut:

- Mengoptimalkan penguatkuasaan PPKHT 2004 dan aktiviti kawalan tembakau di peringkat negeri dengan mobilisasi secara optima Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di bawah butiran NCD seperti di dalam senarai tugas yang ditetapkan.
- Memohon penambahan perjawatan bagi Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di bawah butiran NCD.



- Menjalankan penurunan kuasa kepada agensi kerajaan atau agensi lain dalam menguatkuasakan aktiviti kawalan tembakau di lapangan.
- Mewujudkan unit khas kawalan tembakau bagi proses mengendalikan kertas siasatan untuk tujuan kompaun dan tindakan seterusnya.

3.3 Memperkasakan Masyarakat dan Meningkatkan Penglibatan Multi Sektoral

- 3.3.1 Menjalinkan kerjasama bagi meningkatkan penglibatan sektor lain termasuk agensi kerajaan, agensi swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) di dalam aktiviti kawalan tembakau.
- 3.3.2 Memperkasakan masyarakat menerusi penglibatan NGO di dalam membimbing masyarakat ke arah Malaysia sebagai sebuah negara bebas rokok.
- 3.3.3 Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain di dalam memastikan isu berkaitan kesan tembakau dan produk tembakau terhadap kesihatan diambil kira ketika melaksanakan mana-mana polisi kerajaan.

3.4 Memperkukuhkan Aktiviti Kawalan Tembakau Melalui Strategi MPOWER

- 3.4.1 Memantau prevalen dan tren penggunaan tembakau (Strategi M : *Monitoring*)
- Adaptasi kajian Mini GATS (*Global Adult Tobacco Survey*) yang disarankan oleh WHO dilaksanakan bersama–sama Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) setiap 5 tahun sekali.
 - Menjalankan kajian GYTS (*Global Youth Tobacco Survey*) bagi perbandingan tren merokok di kalangan remaja setiap 5 tahun sekali.
 - Menjalankan kajian kohort ke atas kanak-kanak di Malaysia yang lahir pada tahun 2009 dan ke atas.



3.4.2 Melindungi golongan bukan perokok dari bahaya asap rokok (Strategi P: *Protection for Non Smokers*)

- Merancang program komuniti bebas asap rokok melalui Program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN).
- Memperluaskan program Bandar Bebas Asap Rokok.
- Memperluaskan kawasan diwartakan sebagai tempat-tempat larangan merokok.
- Menggalakkan polisi bebas rokok secara sukarela kepada individu dan kumpulan berpandukan kriteria *Blue Ribbon*.

3.4.3 Memperluaskan Perkhidmatan Berhenti Merokok (Strategi O : *Offer to Quit*)

- Mewujudkan perkhidmatan berhenti merokok secara seragam dan intergrasi.
- Menaiktaraf Info line sedia ada kepada Quit line (kaunseling berhenti merokok melalui talian telefon).
- Memperkukuhkan perkhidmatan berhenti merokok sedia ada di fasiliti kesihatan.
- Meningkatkan saringan dan intervensi berhenti merokok bagi pesakit Tuberkulosis menerusi program Tuberkulosis.
- Menjalankan perkhidmatan saringan dan kaunseling merokok di sekolah melalui pasukan pergigian.
- Memperluaskan kaunseling berhenti merokok melalui kaunselor sekolah menengah.
- Memperluaskan perkhidmatan berhenti merokok di luar fasiliti kesihatan melalui perkhidmatan secara seragam dan intergrasi.

3.4.4 Meningkatkan aktiviti amaran kemudaratan dan bahaya merokok (*Strategi W: Warn about the Danger of Tobacco*)

- Mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap risiko kesihatan berkaitan merokok.
- Memperkasakan masyarakat supaya berani menyuarakan hak sebagai bukan perokok kepada persekitaran bebas rokok.



- Membentuk kefahaman dan memperkukuhkan aktiviti pencegahan merokok terutama di kalangan murid–murid lahir tahun 2009 dan ke atas.
- Menggalakkan penyertaan golongan muda terutama remaja dalam menyuarakan pandangan dan menyampaikan mesej kesedaran kempen anti merokok melalui saluran media sosial.
- Membentuk kefahaman anti merokok di kalangan kanak-kanak di peringkat taska dan tadika.
- Mengadakan kempen advokasi khusus bagi golongan wanita untuk kekal menjadi masyarakat Malaysia yang bebas dari sebarang bentuk amalan merokok.

3.4.5 Melarang aktiviti pengiklanan, promosi dan penajaan (Strategi E: *Enforce Bans on Tobacco Advertising, Promotion and Sponsorship*)

- Merancang polisi penguatkuasaan bagi menghalang pengiklanan secara tidak langsung di kaunter jualan dengan mewujudkan satu garis panduan berkaitan.
- Merancang polisi penguatkuasaan bagi menghalang pengiklanan secara langsung dan tidak langsung melalui kotak rokok dengan mengubal peraturan baru.
- Merancang pengwujudan “*Code of Conduct*” bagi mengawal aktiviti penerimaan tajaan secara langsung atau tidak langsung dari industri rokok.

3.4.6 Mengkaji dan merancang kenaikan cukai rokok (Strategi R: *Raised Tax*)

- Mencadangkan kenaikan cukai eksais rokok dengan sasaran kenaikan cukai sehingga 75% cukai daripada harga jualan runcit.



BAHAGIAN 4 : PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

4 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Semua pelaksanaan yang melibatkan pembangunan dasar dan polisi Kementerian akan dilaksanakan di peringkat ibu pejabat, manakala implementasi di lapangan akan dilaksanakan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri bersama-sama agensi yang terlibat.

4.1 Pelaksanaan dan Pemantauan Di Peringkat Ibu Pejabat

Bagi peringkat kebangsaan pelan ini akan dipantau di bawah Jawatankuasa Pemandu WHO FCTC yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia dan dianggotai oleh dua belas (12) ahli daripada Kementerian yang utama serta badan bukan kerajaan. Urusetia kepada jawatankuasa ini adalah Unit Kawalan Tembakau dan urusetia FCTC Malaysia.

Jadual 1: Keahlian Jawatankuasa Pemandu WHO FCTC

NO	KEMENTERIAN
1.	Pengerusi : YB Menteri Kesihatan
2.	Timbalan Pengerusi 1 : Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
3.	Timbalan Pengerusi 2 : Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
4.	Urusetia: Unit Kawalan Tembakau dan Urusetia FCTC Malaysia
	Ahli –Ahli
1.	Kementerian Kesihatan Malaysia
2.	Kementerian Kewangan Malaysia
3.	Jabatan Peguam Negara
4.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
5.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
6.	Kementerian Pendidikan Malaysia
7.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
8.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
9.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
10.	Kementerian Dalam Negeri
11.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia
12.	Majlis Kawalan Tembakau Negara

Jadual 2: Terma dan Rujukan Jawatankuasa Pemandu WHO FCTC

NO	FUNGSI
Kekerapan Mesyuarat : 2 kali setahun atau pada waktu-waktu lain tertakluk kepada ketetapan Pengerusi	
1.	Memantau dan membuat keputusan dasar mengenai:
	a) Pelaksanaan obligasi-obligasi yang tersenarai di bawah WHO FCTC
	b) Pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau
	c) Kemunculan isu-isu baharu berkaitan tembakau dan hasil tembakau seperti penggunaan rokok elektronik atau lain-lain bentuk amalan merokok
2.	Menyelaras aktiviti dan pelaksanaan berkaitan kawalan tembakau antara kementerian dan agensi
3.	Mengemukakan syor penyertaan Malaysia dalam sebarang protokol yang lahir dari WHO FCTC

4.2 Pelaksanaan dan Pemantauan di Peringkat Negeri

Bagi peringkat negeri pelan ini akan dipantau di bawah Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tembakau peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri. Urusetia adalah Pegawai Epidemiologi Penyakit Tidak Berjangkit, Jabatan Kesihatan Negeri.

Jadual 3: Keahlian Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tembakau Peringkat Negeri

NO	KEMENTERIAN	STRATEGI
1.	Pengerusi 1: Pengarah Kesihatan Negeri	
2.	Pengerusi 2: Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)	
3.	Urusetia Keseluruhan Pelaksanaan: Pegawai Epidemiologi Unit Penyakit Tidak Berjangkit	
	Ahli- Ahli	
1.	Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan)	<i>P, O, W dan E</i>
2.	Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian)	<i>O</i>
3.	Timbalan Pengarah Kesihatan (Farmasi)	<i>O</i>
4.	Pegawai Epidemiologi Penyakit Tidak Berjangkit	<i>P</i>
5.	Pegawai Primer Negeri (<i>Penyelarasan latihan dan pemantauan Perkhidmatan Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan</i>)	<i>O</i>
6.	Pegawai Pendidikan Kesihatan Negeri (<i>Penyelarasan Perkhidmatan Berhenti Merokok di Hospital</i>)	<i>O dan W</i>
7.	Ketua Pegawai Kesihatan Persekitaran Negeri	<i>E</i>
8.	Pegawai Kesihatan Daerah	<i>P, O, W dan E</i>
9.	Pegawai Pergigian Daerah	<i>O</i>
10.	Pengarah Hospital	<i>P, O, W dan E</i>
11.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (<i>Komuniti Bebas Asap Rokok KOSPEN</i>)	<i>P</i>
12.	Jabatan Perpaduan Negara (<i>Komuniti Bebas Asap Rokok KOSPEN</i>)	<i>P</i>
13.	Jabatan Pelajaran Negeri (<i>program kearah Generasi Bebas Rokok</i>)	<i>O, W</i>
14.	Pihak Berkuasa Tempatan	<i>P, W dan E</i>
15.	NGO berkaitan	<i>P, W dan O</i>

**Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tembakau (NSP Tobacco Control)*

Jadual 4: Terma dan Rujukan Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Kawalan Tembakau Peringkat Negeri

NO	KEMENTERIAN	FUNGSI
Kekerapan Mesyuarat : 2 kali setahun atau pada waktu-waktu lain tertakluk kepada ketetapan Pengerusi		
1.	Pengarah Kesihatan Negeri (PKN)	a. Mempengerusikan mesyuarat b. Memantau pelaksanaan <i>NSP Tobacco Control</i> di peringkat negeri
2.	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)	a. Mempengerusikan mesyuarat ketika ketiadaan Pengerusi b. Membantu memantau pelaksanaan <i>NSP Tobacco Control</i>
3.	Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) (<i>Strategi P, O, W dan E</i>)	a. Memantau pelaksanaan <i>NSP Tobacco Control</i> bagi <i>Strategi P, O, W dan E</i>
4.	Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) (<i>Strategi O</i>)	a. Memantau pelaksanaan <i>NSP Tobacco Control</i> bagi <i>Strategi O</i>
5.	Timbalan Pengarah Kesihatan (Farmasi) (<i>Strategi O</i>)	a. Memantau pelaksanaan <i>NSP Tobacco Control</i> bagi <i>Strategi O</i>
6.	Pegawai Epidemiologi Unit Penyakit Tidak Berjangkit : Urusetia Keseluruhan Pelaksanaan (<i>serta Penyelarasan Strategi P</i>)	a. Mengumpulkan pencapaian pelaksanaan <i>NSP Tobacco Control</i> di peringkat negeri b. Membentangkan pencapaian setengah tahun dan akhir tahun pelaksanaan <i>NSP Tobacco Control</i> c. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program di bawah Strategi P iaitu Program kearah 100% bebas rokok d. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program di bawah Strategi O iaitu Perkhidmatan Berhenti Merokok di Sekolah Menengah, Klinik dan Hospital swasta serta Farmasi swasta
7.	Pegawai Primer Negeri (<i>Penyelarasan latihan dan pemantauan Perkhidmatan Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan : Strategi O</i>)	a. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program di bawah Strategi O iaitu Perkhidmatan Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan
8.	Pegawai Pendidikan Kesihatan Negeri (<i>Penyelarasan Strategi W dan penyelarasan strategi O di Hospital yang menjalankan perkhidmatan berhenti merokok</i>)	a. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program di bawah Strategi O iaitu Perkhidmatan Berhenti Merokok oleh pegawai pendidikan kesihatan di Hospital b. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program di bawah Strategi W iaitu program promosi dan advokasi
9.	Ketua Pegawai Kesihatan Persekitaran Negeri (<i>Penyelarasan Strategi E</i>)	a. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program di bawah Strategi E iaitu Penguatkuasaan di bawah PPKHT 2004
10.	Pegawai Kesihatan Daerah (<i>Strategi P, O, W dan E</i>)	a. Melaksanakan program-program yang telah ditetapkan di bawah Strategi <i>P, O, W dan E</i>

NO	KEMENTERIAN	FUNGSI
11.	Pegawai Pergigian Daerah (<i>Strategi O</i>)	a. Melaksanakan program-program yang telah ditetapkan di bawah Strategi O yang melibatkan aktiviti pemeriksaan pergigian di sekolah
12.	Pengarah Hospital (<i>Strategi P, O, W dan E</i>)	a. Melaksanakan program-program yang telah ditetapkan di bawah Strategi P, O, W dan E yang melibatkan aktiviti di Hospital
13.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (<i>Strategi PKomuniti Bebas Rokok KOSPEN dan Strategi W- Ke arah Generasi Bebas Rokok</i>)	a. Menyelaras program Komuniti Bebas Asap Rokok di lokaliti KOSPEN KEMAS b. Memantau pelaksanaan Komuniti Bebas Asap Rokok di lokaliti KOSPEN KEMAS c. Melaksanakan program IMFREE di Tadika KEMAS
14.	Jabatan Perpaduan Negara (<i>Strategi PKomuniti Bebas Rokok KOSPEN dan Strategi W- Ke arah Generasi Bebas Rokok</i>)	a. Menyelaras program Komuniti Bebas Asap Rokok di lokaliti KOSPEN Kawasan Rukun Tetangga (KRT) b. Memantau pelaksanaan Komuniti Bebas Asap Rokok di lokaliti KOSPEN Kawasan Rukun Tetangga (KRT) c. Melaksanakan program IMFREE di Tadika Perpaduan
15.	Jabatan Pelajaran Negeri (<i>Strategi W program ke arah Generasi Bebas Rokok</i>)	a. Menyelaras pelaksanaan perkhidmatan kaunseling merokok di sekolah b. Memantau pelaksanaan perkhidmatan kaunseling merokok di sekolah c. Menyelaras pelaksanaan program IMFREE di peringkat sekolah dan Pra sekolah d. Memantau pelaksanaan program IMFREE di peringkat sekolah dan Pra sekolah
16.	Pihak Berkuasa Tempatan (<i>Strategi P, W dan E</i>)	a. Membantu melaksanakan program di bawah Strategi P iaitu perluasan tempat-tempat dilarang merokok dan bandar bebas asap rokok b. Membantu melaksanakan program advokasi dan promosi c. Membantu melaksanakan penguatkuasaan PPKHT 2004 melalui proses penurunan kuasa
17.	NGO berkaitan (<i>Strategi P dan W</i>)	a. Membantu melaksanakan program promosi dan advokasi

*Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tembakau (NSP Tobacco Control)

4.3 Pelaksanaan Melalui Strategi MPOWER di Peringkat Negeri

4.3.1 **Monitor tobacco use and prevention policies** : Memantau prevalen, tren merokok dan penggunaan tembakau di Malaysia

- Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tembakau.
- Menjalankan kajian impak berkaitan program kawalan tembakau di peringkat negeri.

4.3.2 **Protect people from tobacco smoke** : Mengurangkan tahap pendedahan asap rokok pasif di kalangan masyarakat

- Memperkukuh dan memperluaskan program Komuniti Bebas Asap Rokok di bawah Program KOSPEN.
- Membantu di dalam memantau Peraturan 21 PPKHT 2004 yang berkaitan dengan bilik merokok.
- Memperkukuh dan memperluaskan program Bandar Bebas Asap Rokok.
- Memperkukuh dan memperluaskan program persekitaran bebas asap rokok secara sukarela berpandukan kriteria *Blue Ribbon*.

4.3.3 **Offer help to quit tobacco use** : Menyediakan perkhidmatan berhenti merokok

- Memperkukuhkan perkhidmatan *berhenti merokok* (KBM).
- Menambahkan sumber peruntukan bagi perkhidmatan berhenti merokok.
- Meningkatkan kebolehan pakar, pegawai perubatan dan paramedik di dalam menjalankan perkhidmatan berhenti merokok.
- Menjalinkan kerjasama bersama Pengamal Perubatan Swasta bagi memperluaskan perkhidmatan berhenti merokok.
- Memperluaskan perkhidmatan kaunseling berhenti merokok melalui guru kaunseling di peringkat sekolah.
- Memperkukuhkan perkhidmatan saringan dan kaunseling merokok di sekolah melalui pasukan pergigian di negeri dan daerah.



- Memperkasakan masyarakat bagi menggalakkan tabiat berhenti merokok melalui Program KOSPEN.
- Memperluaskan skop perkhidmatan kaunseling berhenti merokok ke perkhidmatan berhenti merokok secara talian (*Quit line*).

4.3.4 **Warn about the dangers of tobacco** : Promosi ke arah menyampaikan tentang amaran kemudaratannya dan bahaya rokok

- Membentuk kefahaman kanak-kanak dan remaja supaya tidak memulakan tabiat merokok.
- Mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap risiko kesihatan berkaitan merokok.
- Memperkasakan masyarakat supaya berani menyuarakan hak sebagai bukan perokok kepada persekitaran bebas asap rokok.
- Meningkatkan promosi kempen kesedaran anti merokok.

4.3.5 **Enforce bans on tobacco advertising, promotion and sponsorship** : Penguatkuasaan ke atas iklan, promosi dan tajaan berkaitan rokok dan syarikat rokok

- Meningkatkan prestasi penguatkuasaan PPKHT 2004.
- Meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan promosi jualan rokok.
- Meningkatkan penguatkuasaan promosi dan penjualan rokok seludup / tidak sah di pasaran.

4.3.6 **Raise taxes on tobacco** : Meningkatkan kadar pencukaian rokok dan hasil tembakau

- Memperkukuhkan aktiviti penguatkuasaan mengikut Peraturan 8A PPKHT 2004 yang berkaitan dengan harga rokok dan pencukaian rokok.



BAHAGIAN 5 : SENARAI AGENSI DAN RAKAN KONGSI

5.1 Agensi Dalaman

